

## Perkembangan Ilmu Nahu di Mesir dan Syam: Analisis Terhadap Sumbangan Para Ulama

Mohd Bakhit Hj Ali <sup>1</sup>  
Mohd Muhiden bin Abd Rahman<sup>2</sup>

### Abstrak

*Pendapat dan pemikiran nahu yang begitu banyak ditinggalkan oleh aliran-aliran dari Basrah, Kufah dan Baghdad telah berjaya melahirkan satu lagi aliran yang tidak kurang pentingnya dan sering diperkatakan oleh ahli sejarah. Aliran ini bertapak di bumi Mesir dan Syam dan akhirnya dikenali sebagai aliran atau mazhab Mesir dan Syam. Pada mulanya, para ulama Mesir dan Syam memilih dan menyokong mana-mana aliran yang mereka sukai. Akhirnya, mereka mentarjih antara banyak pendapat dan mengeluarkan pendapat mereka sendiri dalam pembinaan dan penyelesaian masalah nahu. Metode kajian yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kajian perpustakaan. Melalui metode ini, semua data yang dirujuk dan dikumpul berasal dari bahan perpustakaan yang berkaitan dengan tajuk. Data yang dirujuk juga berasal dari sumber-sumber yang boleh dipercayai sama ada dari sumber primer atau sumber sekunder. Hasil kajian yang diperolehi mengesahkan bahawa sumbangan ulama dalam aliran ini begitu besar sehingga menaikkan nama aliran Mesir dan Syam sebaris dengan aliran-aliran sebelumnya. Aliran ini bermula dengan cemerlang pada kurun ke-4 Hijriah dan menjadi lemah hingga ke-9 Hijriah. Kemudian ia bangkit semula pada kurun ke-15 Hijriah hinggalah sekarang ini.*

**Kata kunci :** Aliran nahu Mesir dan Syam, tokoh ulama, sumbangan.

### PENDAHULUAN

Mesir dibuka oleh ‘Amrū bin al-‘Āṣ pada tahun 20 Hijriah ketika masa pemerintahan Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb. Selepas itu, Mesir menjadi salah sebuah wilayah Islam dan tunduk di bawah pemerintahan Umawiyah di Damsyik dan seterusnya berada di bawah kuasa ‘Abbāsiyyah di Baghdad. Kerajaan ‘Abbāsiyyah khususnya di bawah Khalifah al-Ma’mūn dan al-Mu‘taṣim menjalankan dasar membeli mamalik dari Turki untuk dijadikan sebagai perwira atau penglima untuk mengawal khalifah dan mempertahankan negara Islam.

<sup>1</sup> Mohd Bakhit Hj Ali, PhD, Pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

<sup>2</sup> Mohd Muhiden Abd Rahman, PhD, Prof Madya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

Ada juga khalifah yang melantik mamalik untuk dijadikan pentadbir di Mesir sebagai mewakili Khalifah 'Abbāsiyyah di Baghdad. Akhirnya, salah seorang daripada mereka iaitu 'Aḥmad bin Ṭūlūn berjaya memisahkan dirinya daripada berada di bawah kerajaan 'Abbāsiyyah dan mendirikan untuk diri dan anak-anaknya selepas itu Kerajaan Ṭūlūniyyah di Mesir. Kerajaan ini tidak bertahan lama sehingga datang Muḥammad al-Ikhshīd lalu mengasaskan Kerajaan al-Ikhshīdiyyah. Kerajaan yang baharu ini akhirnya dikalahkan oleh Khalifah al-Fāṭimiyyah yang menjadikan Mesir sebagai pusat pemerintahannya dan mengasaskan Bandar Kaherah sebagai ibu kota mereka. Kemudian muncul Ṣalāḥ al-Dīn al-'Ayyūbiy yang menamatkan pemerintahan Kerajaan al-Fāṭimiyyah di dalam Mesir dan menghapuskan tentera Kristian di luar Mesir serta mengasaskan Kerajaan al-'Ayyūbiyyah.

Pemerintah Mesir bermula daripada 'Ahmad bin Ṭūlūn hingga Ṣalāḥ al-Dīn al-'Ayyūbiy sentiasa mengutamakan mamalik dari Turki setelah membeli mereka dan mendidik secara bersungguh-sungguh untuk dijadikan pahlawan dan pemimpin. Salah seorang daripada kalangan mamalik iaitu 'Iz al-Din 'Aibik berjaya menghancurkan Kerajaan al-Ayyūbiyyah dan memindahkan pemerintahan kepada Kerajaan Mamalik sekali lagi. Kerajaan ini memerintah Mesir dan Syam lebih kurang tiga kurun lamanya (648 - 924H) dan gerakan ilmiah berkembang dengan pesat di dalamnya sehingga sekali lagi dirampas oleh Kerajaan Uthmāniyyah. Mesir di bawah Kerajaan Uthmāniyyah selama tiga kurun diperintah oleh pemimpin Turki yang berada di bawah naungan Kerajaan Uthmāniyyah yang berpangkalan di al-Astānah, Turki. Kemudian, kempen tentera Perancis berjaya menakluki Mesir pada tahun 1213H/1789M selama empat tahun sehingga dikuasai semula oleh Muḥammad 'Aliy dan anak-anaknya. Selepas itu, Mesir dijajah oleh tentera Inggeris pada tahun 1882M selama 70 tahun.

## REVOLUSI MESIR

Mesir di bawah pemerintahan Uthmāniyyah dan penjajahan Inggeris menjadi begitu lemah terutama dalam aspek politik, sosioekonomi dan pendidikan. Kerajaan Uthmāniyyah juga tidak mengambil berat terhadap bahasa Arab kerana mereka itu berbangsa Turki. Begitu juga dengan Orang Inggeris yang menjalankan dasar menyebarkan kejahilan ke atas tanah jajahannya. Akhirnya, penduduk Mesir bangun menentang penjajah lalu tercetus revolusi pada 23 Jun tahun 1952M yang menumpukan terutama sekali kepada bidang pendidikan. Hasil daripada gerakan revolusi tersebut, terasasnya sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian ilmu, agama dan bahasa di seluruh pelosok Mesir. Diikuti dengan penubuhan kuliah atau fakulti bahasa Arab di universiti-universiti seperti al-'Azhar al-Sharīf dan Universiti Kaherah dan pembukaan jabatan bahasa Arab di fakulti pendidikan, sastera dan lain-lain.

## PERINGKAT-PERINGKAT PERKEMBANGAN ILMU NAHU

Sejarah ilmu nahu di Mesir berjalan dengan begitu panjang sejak kemasukannya hinggalah sekarang dengan melalui beberapa peringkat serta tahap. Peringkat yang dilalui tidak sama, ada yang lemah, kuat, lembab dan aktif. Oleh itu, masa panjang yang diharungi oleh ilmu nahu dapat dibahagikan kepada empat zaman,<sup>3</sup> seperti berikut:

- i. Zaman kelahiran (permulaan dan pembentukan)
- ii. Zaman keemasan (penulisan dan penyusunan)

<sup>3</sup> 'Aliy Muḥammad Fākhir, Dr (2003), *op. cit.* h. 58.

- iii. Zaman kelemahan (huraian dan kritikan)
- iv. Zaman kebangkitan semula (kajian, pengesahan dan permudahkan)

Oleh itu, perbincangan seterusnya akan difokuskan kepada huraian setiap satu dari zaman-zaman tersebut dengan menerangkan tempoh masa yang dilalui bagi setiap zaman, senarai ulama terkemuka, kelebihan yang ada dan aliran-aliran yang menonjol.

### Zaman Kelahiran

Zaman ini berlangsung selama tiga kurun iaitu bermula dari kurun ke-4 hingga kurun ke-6 Hijriah. Zaman ini dikenali dengan masa kelahiran ilmu nahu kerana ulama Mesir telah berangkat ke Basrah, Baghdad dan lainnya untuk mengambil ilmu nahu dari sumbernya yang asli. Ulama pada zaman ini hidup di bawah pemerintahan Kerajaan al-Ikshīdiyyah, al-Fāṭimiyyah dan al-'Ayyūbiyyah. Masa ini dikenali juga sebagai zaman permulaan dan pembentukan ilmu nahu di Mesir dan Syam.

Antara ulama yang masyhur pada zaman ini ialah

1. Wallād<sup>4</sup> (m. 263H).
2. 'Abū 'Aliy al-Dīnawriy<sup>5</sup> (m. 289H).
3. Muḥammad bin al-Walīd al-Tamīmiy<sup>6</sup> (m. 289H).
4. Al-'Akhfash al-'Aṣghar<sup>7</sup> (m. 315H).
5. Kurā' al-Naml<sup>8</sup> (m. 320H)
6. 'Aḥmad bin Muḥammad bin al-Walīd<sup>9</sup> (m. 332H).

<sup>4</sup> Beliau ialah al-Walīd bin Muḥammad al-Tamīmiy. Berasal dari Basrah, berhijrah ke Iraq untuk menuntut ilmu dan tinggal di Mesir. Sebelumnya, tiada sesiapa yang menulis tentang ilmu nahu dan bahasa. Belajar dengan al-Mahlaby di Madinah dan al-Khalīl di Basrah. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 738. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 3, h. 354.

<sup>5</sup> Beliau ialah 'Aḥmad bin Ja'far. Belajar dengan al-Māziniy di Basrah dan mengambil kitab Sībawayh daripadanya. Kemudian memasuki Baghdad dan belajar kitab Sībawayh dengan al-Mubarrid. Sebelum itu, beliau berada di rumah Tha'lab (iaitu bapa mentuanya) yang merayu supaya jangan pergi bertemu al-Mubarrid, namun tidak dilayannya. Mengarang kitab *al-Muhadhab* dalam ilmu nahu dan *Ḍamā'ir al-Qur'ān*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 255. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 1, h. 68-69.

<sup>6</sup> Beliau ialah anak kepada Wallād. Di Mesir, beliau belajar dengan 'Abū 'Aliy al-Dīnawriy kemudian berhijrah ke Iraq dan berguru dengan al-Mubarrid dan Tha'lab. Mengambil dan menyalin kitab Sībawayh daripada al-Mubarrid dan dikatakan beliau orang pertama yang membawa masuk *al-Kitāb* ke Mesir. Seorang yang pandai tulisan seni khat, baik hafalan dan mempunyai kisah dengan al-Mubarrid yang mengenakan bayaran mahal untuk menyalin *al-Kitāb*. Mengarang kitab *al-Munammīq* dalam ilmu nahu. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 224. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 3, h. 224-225.

<sup>7</sup> Beliau ialah 'Abū al-Ḥasan 'Aliy bin Sulaimān bin al-Faḍl. Belajar dengan Tha'lab, al-Mubarrid, al-Yazīdiy dan 'Abū al-'Ainā'. Mengarang kitab *Sharḥ Sībawayh*, *al-Anwā'*, *al-Thaniyah wa al-Jam'*, *al-Muhadhab* dan *Tafsīr Risālah Kitāb Sībawayh*. Memasuki Mesir pada tahun 287H, keluar ke Halb tahun 300H dan meninggal dunia di Baghdad tahun 315H. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 620. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 2, h. 276-278

<sup>8</sup> Beliau ialah 'Abū al-Ḥasan 'Aliy bin al-Ḥasan al-Hunā'iy. Belajar dengan ulama dari Basrah dan Kufah, namun cenderung kepada mazhab Basrah. Antara karya beliau ialah *al-Munaḍḍid* pada bahasa, *al-Mujarrid*, *al-Mujhid*, *al-Munjid* dan *al-'Azwān*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 612-613. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 2, h. 240.

<sup>9</sup> Beliau, bapa dan datuknya merupakan ahli nahu. Diberi *kunyah* sebagai 'Abū al-'Abbās. Berhijrah ke Iraq dan belajar dengan al-Zujāj kemudian kembali ke Mesir dengan menyebarkan ilmu serta mengarangnya. Antara kitab yang dikarang ialah *al-Maqṣūr wa al-Mamdūd* dan *Intṣār Sībawayh 'ala al-Mubarrid*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 319. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 1, h. 134.

7. 'Abū Ja'far al-Nuḥās<sup>10</sup> (m. 338H).
8. Al-'Adfūy<sup>11</sup> (m. 388H).
9. Al-Ḥawfiy<sup>12</sup> (m. 430H).
10. Ibn Bābshādh<sup>13</sup> (m. 469H).
11. Ibn Barakāt<sup>14</sup> (m. 520H).
12. Ibn al-Quṭṭā'<sup>15</sup> (m. 515H).
13. Ibn Barriy<sup>16</sup> (m. 582H).
14. 'Abū 'Abd al-Ghaniy al-Daqīqiy<sup>17</sup> (m. 614H).

Senario yang jelas berlaku pada zaman ini ialah para ulama bertolak ke bandar-bandar ilmu nahu di Timur sebagaimana dilakukan oleh sebahagian besar cendekiawan awal zaman ini seperti 'Abū 'Aliy al-Dīnawriy yang bertemu dengan al-Māziniy di Basrah dan al-Mubarrid di Baghdad. Manakala 'Abū Ja'far al-Nuḥās telah bertemu dengan al-Akhfas al-Aṣghar, al-Mubarrid, al-Zujāj dan lain-lain di Baghdad.

- 
- <sup>10</sup> Beliau ialah 'Aḥmad bin Muḥammad bin Ismā'il bin Yūnus al-Murādiy. Berhijrah ke Baghdad dan belajar dengan al-Akhfas al-Aṣghar, al-Mubarrid, Niṭawaih dan al-Zujāj. Mengarang banyak kitab dalam bidang imu nahu dan tafsir al-Qur'ān, antaranya ialah *'Irāb al-Qur'ān*, *M'ānā al-Qur'ān*, *al-Kāfi fi al-'Arabiyyah*, *Sharḥ al-Mu'alaqāt*, *Sharḥ 'Abyāt al-Kitāb*, *al-Ishtiqāq*. *'Adab al-Kātib* dan *al-Muqni' fi Ikhtilāf al-Baṣriyyūn wa al-Kūfiyyūn*. Beliau meninggal dunia akibat terjatuh ke dalam sungai Nil di Mesir. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 301. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 1, h. 136.
  - <sup>11</sup> 'Abū Bakr Muḥammad bin 'Aliy bin Muḥammad. Berasal daripada 'Adfu (sebuah bandar di Mesir dekat dengan Aswan). Seorang yang baik dan bekerja menjual kayu. Belajar dengan 'Abū Ja'far al-Nuḥās dan lain-lain daripada kalangan ahli ilmu, bahasa, al-Qur'ān dan Ḥadīth. Mengarang kitab tafsir yang berjudul *al-Istighnā'* dalam seratus jilid. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 171. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 3, h. 186.
  - <sup>12</sup> Nama beliau ialah 'Aliy bin 'Ibrāhīm bin Sa'id bin Yūsuf. Seorang yang alim dengan ilmu nahu dan tafsir. Belajar di Mesir dengan 'Abū Bakr al-Adfuwiy dan guru-guru yang datang dari Andalus. Mengarang kitab *al-Burhān fi Tafsīr al-Qur'ān*, *'Ulūm al-Qur'ān* dan *al-Muwaddiḥ fi al-Naḥw*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 599. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 2, h. 219.
  - <sup>13</sup> Beliau ialah 'Abū al-Ḥasan Ṭāhir bin 'Aḥmad. Bapa dan datuknya berasal dari Iraq dan berhijrah ke Mesir sebagai pedagang. Beliau menjadi pengarang di Dewan Pustaka Mesir dan penyemak manuskrip. Selepas itu, beliau tinggal di sebuah bilik kecil di Jāmi' 'Amrū bin al-Āṣ untuk beribadat dan mengajar di sana. Antara karangannya ialah *Sharḥ Jumal al-Zujājiy*, *al-Muḥtasab fi al-Naḥw*, *Sharḥ al-Nukhbah* dan *Ta'liq fi al-Naḥw*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 501-502. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 2, h. 95-96.
  - <sup>14</sup> Beliau ialah 'Abū 'Abd 'Allāh Muḥammad bin Barakāt bin Hilāl bin 'Abd al-Wāḥid al-Sa'idiy. Dilahirkan pada tahun 420 dan meninggal dunia pada 520 Hijriah. Salah seorang ternama Mesir, alim dengan ilmu nahu, bahasa dan sastera dan belajar dengan Ibn Babshādh. Mengarang kitab *al-Ījāz fi Ma'rifaḥ ma fi al-Qur'ān min Mansūkh wa Nāsikh*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 76-77.
  - <sup>15</sup> Nama beliau ialah 'Aliy bin Ja'far bin Muḥammad bin 'Abd 'Allāh bin al-Ḥusain. Dilahirkan di Ṣiqilliyah pada tahun 432 Hijriah. Belajar dengan 'Abū Bakr Ibn al-Birr al-Ṣaqaliy. Menjadi imam di Mesir dalam ilmu bahasa dan sastera. Mengarang kitab *al-'Af'āl*, *'Abniyah al-'Asmā'*, *Ḥawāshi al-Ṣiḥāḥ*, *Tārīkh Ṣiqilliyah*, *al-Durrah al-Khaṭīrah fi Shu'arā' al-Jazīrah* dan lain-lain. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 609. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 2, h. 236-239.
  - <sup>16</sup> Nama beliau ialah 'Abū Muḥammad 'Abd 'Allāh bin Barry bin 'Abd al-Jabbār al-Maqdisiy. Dilahir di Mesir pada tahun 499 Hijriah. Seorang yang ternama, masyhur dan alim dengan ilmu nahu, bahasa dan dalil-dalil. Membaca kitab *Sībawayh* dengan 'Abd al-Malik al-Shantarīniy dan menjadi ketua ulama yang mengajar di Jāmi' 'Amrū. Banyak cerita pelik diriwayatkan kepadanya seperti mengeluarkan buah anggur daripada lengan bajunya. Mengarang kitab *al-Lubāb*, *al-Masā'il al-'Ashr* dan *Hawāshi ala al-Ṣiḥāḥ*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 515. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 2, h. 110-111. Ibn Khallikān (1998), *op. cit.* j. 3, h. 89-90.
  - <sup>17</sup> Beliau ialah Sulaimān bin Banīn bin Khalaf Taqiy al-Dīn. Belajar dengan Ibn Barriy dalam ilmu nahu dan berkawan dengannya. Mengarang begitu banyak dalam pelbagai bidang ilmu, antaranya ialah *Lubāb al-'Albāb fi Sharḥ 'Abyāt al-Kitāb*, *al-Waḍḍāḥ fi Sharḥ 'Abyāt al-Īdāḥ*, *Ighrāb al-'Amal fi Sharḥ 'Abyāt al-Jumal*, *Muntaha al-'Adab fi Mubtada' Kalām al-'Arab*, *al-Durrah al-'Adabiyyah fi Nuṣrah al-'Arabiyyah* dan lain-lain. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 481-482.

Dari sudut pemilihan mazhab, mereka mencampuradukkan dan membuat penyaringan ke atas mazhab-mazhab yang terdapat pada masa itu, namun tidak boleh mengelak daripada dipengaruhi oleh aliran Basrah. Mereka mengambil berat terhadap kitab Sibawayh dengan cara membaca, mempelajari, mengajar dan menghuraikannya. Hal tersebut begitu jelas sebagaimana yang dilakukan oleh 'Aḥmad bin Muḥammad bin al-Walīd yang mengarang kitab bertajuk: *Intṣār Sībawayh 'ala al-Mubarrid* dan 'Abū Ja'far al-Nuḥās menulis kitab *Sharḥ 'Abyāt al-Kitāb*. Begitu juga dengan al-'Akhfash al-'Aṣghar yang menghasilkan kitab *Sharḥ Sībawayh* dan *Tafsīr Risālah Kitāb Sībawayh*. Di samping kitab Sibawayh, mereka juga turut mengutamakan kitab-kitab ulama nahu terdahulu dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada al-Qur'ān al-Karīm dengan *meng'i'rāb* serta mentafsir ayat-ayatnya.

### Zaman Keemasan

Zaman keemasan berlangsung lebih kurang dua kurun iaitu bermula dari awal abad ke-7 Hijriah dan berakhir di penghujung kurun ke-8 Hijriah. Masa yang dilalui bersamaan dengan masa yang diharungi oleh pemerintahan Mamalik di Mesir khususnya Mamalik al-Bahriyyah (648-784H) dan sedikit selepasnya. Dinamakan dengan zaman keemasan kerana ilmu nahu berada di kemuncak serta keagungan selepas berlaku penghijrahan beramai-ramai ulama yang datang dari Baghdad dan Andalus ke Mesir. Masa tersebut menyaksikan ilmu nahu berkembang dengan pesat disebabkan galakan serta sokongan Mamalik kepada para ilmuwan dengan menyediakan pusat-pusat ilmu kepada mereka. Situasi tersebut tidak berterusan dan akhirnya berubah menjadi lemah apabila Khilafah Uthmāniyyah memasuki Mesir dan Syam. Di bawah pemerintahan Kerajaan Uthmāniyyah, ilmu nahu bertukar menjadi lemah dan hampir-hampir terkubur.

Antara ulama popular yang memainkan peranan menjadikan zaman ini sebagai masa keemasan penulisan karya tatabahasa ialah

1. Ibn Mu't<sup>18</sup> (m. 628H).
2. Ibn Ya'īsh<sup>19</sup> (m. 643H).
3. Al-Sakhāwiy<sup>20</sup> (m. 643H).
4. Ibn al-Ḥājib<sup>21</sup> (m. 646H).

<sup>18</sup> Nama beliau ialah Zain al-Dīn 'Abū al-Husain Yaḥyā bin Mu't bin 'Abd al-Nūr. Dilahirkan pada tahun 564 Hijriah. Belajar dengan al-Jazūliy dan Ibn Asākir di Damsyik dan Mesir. Pakar dalam bahasa Arab dan penyair yang bagus. Mengarang banyak kitab, antaranya ialah *al-Alfiyyah fi al-Naḥw*, *al-'Uqūd wa al-Qawānīn fi al-Naḥw*, *Kitāb Hawāsh 'ala 'Uṣūl Ibn al-Sirāj*, *Kitāb Sharḥ al-Jumal*, *Kitāb Sharḥ Abyāt Sībawayh*, *Kitāb Dīwān Khitab* dan lain-lain. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 759-760.

<sup>19</sup> Beliau ialah Muwafiq al-Dīn 'Abū al-Baqā' Ya'īsh bin 'Aliy bin Ya'īsh. Dilahirkan pada 3 Ramadan tahun 553 Hujriah di Halb. Belajar ilmu nahu dengan 'Abū al-Sakhā' dan 'Abū al-'Abbās al-Baizūriy. Mengambil Ḥadīth daripada al-Raḍiy al-Takritiy, 'Abū al-Faḍl al-Ṭūsiy dan lain-lain. Mahir dalam ilmu nahu dan tasrif. Ketika mengajar di Halb, beliau dikelilingi oleh orang-orang besar dan menjadi seorang yang ternama. Beliau juga dikurniakan umur yang panjang. Mengarang kitab *Sharḥ al-Mufaṣṣal* dan *Sharḥ Taṣrīf Ibn Jinniy*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 766. Ibn Khallikān (1998), *op. cit.* j. 5, h. 410-416.

<sup>20</sup> Beliau ialah 'Alam al-Dīn 'Abū al-Ḥasan 'Aliy bin Muḥammad bin 'Abd al-Ṣamad. Lahir pada tahun 558H dan meninggal dunia pada 643H di Damsyik. Merupakan imam dalam ilmu nahu, bahasa dan tafsir. Begitu alim dalam ilmu fiqah, usul fiqah dan sastera. Bersifat dengan tawaduk, penyayang dan akhlak terpuji. Belajar dengan al-Shāṭibiy, al-Kindiy dan lain-lain. Antara karya beliau ialah dua syarahan terhadap kitab *al-Mufaṣṣal li al-Zamakhshariy* iaitu *Safr al-Sa'ādah wa Safr al-Ifādah* dan *al-Mufaḍḍal*, *Sharḥ al-Shāṭibiyah* dengan nama *Sharḥ al-Rā'iyah* dan *al-Kawkab al-Waqqād fi Uṣūl al-Dīn*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 639. Al-Qiftiy (2004), *op. cit.* j. 2, h. 311-312.

<sup>21</sup> Nama penuh ialah Jamāl al-Dīn 'Abū 'Amrū 'Uthmān bin 'Umar bin 'Abī Bakr. Berbangsa Kurdis dan lahir pada akhir tahun 570H di Asna, Mesir. Sejak kecil beliau tinggal di Kaherah dan belajar al-Qur'ān, fikah, bahasa dan qiraat. Berhijrah ke Damsyik untuk mengembangkan ilmu di sana dan menjadi tempat

5. 'Abū Muḥammad al-Lawraqiy<sup>22</sup> (m. 661H).
6. Ibn Mālik<sup>23</sup> (m. 672H).
7. Al-Shāṭibiy<sup>24</sup> (m. 684H).
8. Ibn Nāzim<sup>25</sup> (m. 686 H).
9. Ibn Ājurrūm<sup>26</sup> (m. 723H).
10. 'Abū Ḥayyān<sup>27</sup> (m. 745 H).
11. Al-Murādiy<sup>28</sup> (m. 749 H).
12. Ibn Hishām<sup>29</sup> (m. 761 H).

---

tumpuan pelajar-pelajar. Belajar dengan al-Shāṭibiy, 'Abū al-Jūd, al-Būṣairiy dan 'Abū Manṣūr al-Ibyāriy. Mengarang kitab dalam ilmu nahu iaitu *al-Kāfiyah* serta huraian yang diberi nama *al-Īdāh* dan kitab *al-'Amāliyyah*. Dalam ilmu tasrif iaitu *al-Shāfiyyah* serta syarahnya. Dalam ilmu fikah, usul fikah dan ilmu 'arūd. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 594. Ibn Khallikān (1998), *op. cit.* j. 3, h. 217-219.

- 22 Beliau ialah al-Qāsim bin Aḥmad bin al-Muwaffiq bin Ja'far al-Andalusiy. Lahir pada tahun 575H dan meninggal dunia pada 661H di Damsyik. Pada masa muda, beliau menuntut ilmu di Andalus hingga berjaya memperolehnya. Belajar dengan 'Abū al-Ḥasan bin al-Sharīk, Muḥammad bin Nūḥ al-Gāfiqiy, al-Kindiy, al-'Akbariy dan 'Abū Muḥammad bin al-Akhḍar. Mengarang kitab *Sharḥ al-Mufaṣṣal*, *Sharḥ al-Juzūliyyah* dan *Sharḥ al-Shāṭibiyyah*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 685.
- 23 Beliau ialah Jamāl al-Dīn 'Abū 'Abd 'Allāh al-Ṭāiy Muḥammad bin 'Abd 'Allāh bin 'Abd 'Allāh. Dilahirkan pada tahun 600H atau 601H di Jayyān (salah sebuah negeri di Andalus). Seorang yang banyak melakukan ibadat serta amalan sunat, sempurna akal, lembut hati dan mempunyai keazaman yang tinggi. Menguasai ilmu qira'āt, bahasa, nahu dan tasrif. Berkebolehan mencipta syair dengan mudah. Pernah belajar dengan al-Shalūbainiy, al-Sakhāwiy, Ibn Ya'īsh al-Ḥalabiy, al-Ḥasan bin al-Ṣabāḥ dan lain-lain. Merantau ke beberapa negara di Timur seperti Syam, Damsyik dan Ḥalb serta mengembangkan ilmu di sana. Mengarang kitab dalam bentuk syair dan prosa yang membuktikan penguasaan beliau terhadap ilmu-ilmu bahasa Arab. Antara karangan beliau yang masyhur ialah *al-Kāfiyah al-Shāfiyyah*, *al-'Alfiyyah*, *al-Fawā'id* dan *Tashīl al-Fawā'id wa Takmil al-Maqāsid*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 128-132.
- 24 Nama beliau ialah Raḍy al-Dīn 'Abū 'Abd 'Allāh Muḥammad bin 'Aliy bin Yūsuf. Dilahirkan pada tahun 601H di Valencia. Belajar dengan Ibn al-Muqayyar dan Ibn al-Juma'iziy. Beliau dihormati oleh para pemimpin dan meninggal dunia di Kaherah tahun 684H. Mengarang kitab *al-Ḥāshiyah ala al-Ṣiḥāḥ*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 174.
- 25 Beliau ialah Badr al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd 'Allāh bin 'Abd 'Allāh. Anak kepada Imam Ibn Mālik yang masyhur. Belajar dengan bapanya dan lain-lain. Tatkala bapanya meninggal dunia, beliau dijemput ke Damsyik untuk menjawat jawatan yang ditinggalkan dan begitu sibuk mengajar serta mengarang. Menguasai segenap bidang ilmu seperti nahu, balaghah, 'arūd, logik, fikah dan usul. Mengarang kitab *Sharḥ 'Alfiyyah*, *Sharḥ al-Kāfiyyah*, *Takmilah Sharḥ al-Tashīl*, *Muqaddimah fi al-Arūd*, *Muqaddimah fi al-Mantiq* dan lain-lain. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 197.
- 26 Nama penuh ialah 'Abū 'Abd 'Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Dāwūd al-Ṣinhājiy. Ājurrūm dalam bahasa Barbar bermaksud 'fakir yang sufi'. Dilahirkan pada tahun 672H di Fās, Maghribi dan meninggal pada 723H di tempat kelahirannya. Beliau berpegang dengan aliran nahu Kufah. Karya beliau yang paling masyhur ialah *al-Muqaddimah al-Jurrūmiyyah* kerana tersebar luas, dihurai oleh ramai ulama dan diterjemah dalam pelbagai bahasa. Kitab tersebut dianggap sebagai kitab permulaan dalam ilmu nahu. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 207-208.
- 27 Nama penuh beliau ialah 'Athir al-Dīn Muḥammad bin Yūsuf bin 'Aliy. Beliau seorang ahli nahu, bahasa, tafsir, Ḥadīth, qari, sejarah dan sastera. Dilahirkan di salah sebuah bandar Granada pada tahun 654 H. Belajar dengan Ibn al-Ṭibā', 'Abū al-Ḥasan al-'Abāziy, Ibn Zubair Ibn 'Abī al-Ahwaṣ, Ibn al-Ṣā'igh dan lain-lain. Antara kitab yang dikarangnya ialah *al-Baḥr al-Muḥīṭ fi al-Tafsīr*, *al-Nahr*, *al-Tadhīl wa al-Takmil fi Shrh al-Tashīl* dan *al-Irtishāf*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 239.
- 28 Beliau ialah al-Ḥasan bin Qāsim bin 'Abd 'Allāh bin 'Aliy. Belajar dengan 'Abd 'Allāh al-Ṭanjīy, al-Sirāj al-Damanhūriy, 'Abū Zakariyyā' al-Ghamāriy, 'Abū Ḥayyān dan lain-lain. Mengarang kitab *Sharḥ 'Alfiyyah*, *Sharḥ al-Mufaṣṣal*, *Sharḥ al-Tashīl*, *al-Jiniy al-Dāniy fi Hurūf al-Ma'āniy* dan lain-lain. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 419.
- 29 Nama penuh ialah Jamāl al-Dīn 'Abd 'Allāh bin Yūsuf bin 'Aḥmad bin 'Abd 'Allāh. Dilahirkan pada tahun 708H dan meninggal dunia pada 761H.. Belajar dengan Ibn al-Sirāj, 'Abū Ḥayyān dan lain-lain. Beliau mempunyai kebolehan semulajadi mengarang dan menerangkan maksud yang dikehendaki secara ringkas atau detail. Mempunyai perwatakan tawaduk, baik, belas kasihan, akhlak terpuji dan hati yang lembut. Banyak menghasilkan manuskrip, antaranya ialah *Mughnī al-Labīb 'an Kutub al-'Ārib*, *al-*

13. Ibn 'Aqīl<sup>30</sup> (m. 769 H).
14. Ibn al-Damāmīniy<sup>31</sup> (m. 837 H).

Antara kejayaan yang dicapai oleh ulama pada zaman ini ialah mengaktifkan pengajian ilmu nahu dan memperbanyak penulisan karya-karyanya. Di samping ilmu nahu, ilmu-ilmu lain turut serta aktif dan tidak pernah berlaku pada masa sebelumnya. Fenomena yang berlaku pada zaman ini menyamai zaman Kerajaan 'Abbāsiyyah pada masa pemerintahan Hārūn al-Rashīd dan lain-lain. Kejayaan yang dicapai disebabkan oleh pemimpin yang mengambil sikap mengutamakan ilmu dan para ulama serta mengambil berat perihal kehidupan mereka. Ilmu nahu pada zaman ini bukan setakat bergerak aktif tetapi berkembang dengan begitu pesat sehingga membuahkan hasil yang cukup memberangsangkan. Begitu juga dengan bilangan ulama nahu yang bertambah dengan begitu ramai sehingga sebahagian mereka menjadi ilmuwan kepada bidang-bidang ilmu bahasa dan sebahagian lagi menjadi cendekiawan kepada bidang kepakarannya. Oleh yang demikian, gerakan penulisan dalam disiplin nahu menjadi aktif, subur dan beransur-ansur menjadi mudah dan jelas. Manakala masyarakat awam boleh menyambut dengan baik serta berlapang dada menerima setiap perkembangan yang berlaku kepada disiplin tatabahasa. Keadaan tersebut dapat dilihat apabila ilmuwan membahagikan karya atau perbincangan mereka kepada bab-bab atau fasal-fasal selepas karya-karya sebelum ini disusun secara umum dan begitu susah.

Pada zaman ini, Ibn Mālik dianggap sebagai pelopor atau pengasas aliran Mesir dan Syam sejak keduanya menjadi kiblat ulama dan penyambung tamadun Islam selepas kejatuhan Baghdad dan Andalus. Selepas Ibn Mālik, diikuti pula oleh Ibn Ḥayyān, Ibn Hishām, Ibn 'Aqīl, Ibn al-Damāmīniy dan lain-lain untuk menghasilkan kitab-kitab yang berkisar tentang pengajian ilmu tatabahasa dengan cara mensyarah, menghurai dan menganalisa. Apabila angkatan ulama zaman ini diganti oleh ulama selepasnya maka keadaan ilmu nahu turut berubah sama. Cendekiawan selepas zaman ini tidak sehebat zaman sebelumnya dari sudut pemerolehan manuskrip kerana berpada dengan apa-apa yang telah ditinggalkan oleh ulama sebelumnya kepada mereka.

Kejayaan lain yang dicapai pada peringkat ini ialah kebanyakan ulama tidak terikat dalam penulisan mereka dengan teknik sebelumnya untuk mengarang mana-mana manuskrip. Mereka tidak mengambil sikap teragak-agak atau mengikut tanpa pedoman setiap pendapat atau idea daripada kitab-kitab sebelumnya. Mereka sebenarnya mempunyai kecenderungan dan aliran khusus yang tidak pernah meniru mana-mana ulama. Buah fikiran mereka bebas, tidak terikat dan nampak jelas tanda-tanda tersebut dalam hasil

---

*Tauḍīh 'ala al-'Alfiyyah, Raf' al-Khaṣāṣah 'an Qurā' al-Khulāṣah, 'Umdah al-Tālib fi Tahqīq Taṣrīf Ibn al-Ḥājib, Sharḥ al-Tashīl, Sharḥ al-Shawāhid al-Kubrā, al-Qawā'id al-Kubrā, Shuzūr al-Dhahab, Qaṭr al-Nadā, al-Jāmi' al-Kabīr, 'Awḍaḥ al-Masālik ila 'Alfiyyah Ibn Mālik dan lain-lain. Al-Suyūṭiy (2005), op. cit. h. 541.*

<sup>30</sup> Beliau ialah Bihā' al-Dīn 'Abd 'Allāh bin 'Abd al-Rahmān bin 'Abd 'Allāh bin Muḥammad. Dilahirkan pada tahun 698H, meninggal dunia pada 769H di Kaherah dan dimakamkan berhampiran dengan Imam al-Shāfi'iy.. Belajar qiraat dengan al-Taḥqīq al-Ṣā'igh, fikah dengan al-Zain al-Katāniy dan fikah, usul, khilaf, bahasa, tafsir, 'arūḍ dan ma'āniy dengan al-Alā' al-Qaunawiy dan lain-lain. Mengarang kitab *al-Tafsīr, Mukhtaṣar al-Sharḥ al-Kabīr, al-Jāmi' al-Nafīs fi al-Fiqh, Jāmi' li al-Khilāf wa al-'Auhām, al-Musā'id fi Sharḥ al-Tashīl, Sharḥ al-'Alfiyyah* dan lain-lain. Al-Suyūṭiy (2005), op. cit. h. 525.

<sup>31</sup> Nama beliau ialah Badr al-Dīn Muḥammad bin 'Abū Bakr bin 'Umar bin 'Abū Bakr bin Muḥammad bin Sulaimān. Dilahirkan di Iskandariyyah tahun 763H dan meninggal dunia di India pada 837H. Merantau ke beberapa tempat dan negara untuk mengembangkan ilmu serta mencuba nasib. Mengarang kitab *Tuḥfah al-Gharīb fi Ḥāshiyah Mughni al-Labīb, Sharḥ al-Bukhāriy, Sharḥ al-Tashīl, Sharḥ al-Khazrajiyyah, Jawāhir al-Buḥūr fi al-'Arūḍ, al-Fawākih al-Badriyyah* dan lain-lain. Al-Suyūṭiy (2005), op. cit. h. 81.

karya mereka. Sebagai contohnya kesemua itu, telah direalisasikan oleh Ibn Mālik dalam hasil karyanya seperti *Kāfiyah al-Shāfiyah*, *al-'Alfiyyah*, *al-Fawā'id* dan *Tashīl al-Fawā'id wa Takmil al-Maqāsid*. Bukan setakat itu sahaja, bahkan beliau mampu berijtihad dalam masalah-masalah yang sering menjadi kontroversi samada harus atau tidak harus. Keputusan yang dibuat tidak hanya disertai dengan satu dalil, tetapi dilimpahkan dengan himpunan daripada dalil-dalil qira'āt al-Qur'an atau Ḥadīth Nabawi atau bait-bait syair. Selepas itu, diikuti oleh Ibn Hishām yang begitu cenderung kepada kaedah analogi dan *istinbāt* dalam menyelesaikan masalah-masalah nahu. Walaupun begitu, tidak semua ulama mengikuti kaedah mereka berdua, seperti 'Abū Ḥayyān yang masih lagi bergantung dengan meriwayatkan dan memindahkan daripada peninggalan ulama sebelumnya.

Pembaharuan lain yang dicapai oleh ulama pada zaman ini ialah mereka menggunakan bahasa yang senang, mudah dan jelas dalam penulisan karya nahu. Mereka juga mengutamakan kepada pemilihan gaya bahasa atau *'uslūb* yang mudah dan jelas di samping menjauhi bahasa yang susah dan kabur. Seterusnya, mereka membahagikan masalah-masalah perbincangan kepada bab, fasal dan sub-sub topik. Pembaca mampu untuk mencari walau sekecil mana masalah di dalam pecahan-pecahan tadi dengan begitu senang tanpa memakan masa yang lama dan usaha yang keras. Begitu juga untuk memahami suatu masalah, ianya hanya perlu meneliti isi kandungan yang tidak susah dan boleh difahami dengan bahasa yang mudah sahaja. Sebagai contoh, rujuk dan bacalah kitab-kitab karangan Ibn Hishām seperti *'Awdāh al-Masālik ila 'Alfiyyah Ibn Mālik*, *Shuzūr al-Dhahab*, *Qaṭr al-Nadā* dan *Mughnī al-Labīb 'an Kutub al-'Ārib*. Pembaca yang mempunyai latar belakang pengajian Arab akan memperolehi kesenangan dan keselesaan dalam perbincangan masalah dan mampu memahami tanpa perlu kepada usaha keras dan kerja yang bersungguh-sungguh.

## Zaman Kelemahan

Zaman ini bermula dari kurun ke-9 Hijriah iaitu akhir pemerintahan Kerajaan Mamalik al-Burjiyyah (784-924H). Pemerintah pada zaman ini tidak memfokuskan kepada perkembangan bahasa Arab serta disiplin-disiplin yang berkaitan dengannya. Peringkat ini juga begitu berbeza jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya iaitu Mamalik al-Bahriyyah yang mengutamakan kepada ilmu dan ulama. Kemuncak kelemahan bahasa Arab tercetus selepas penaklukan Kerajaan Uthmāniyyah ke atas Negara Arab samada di Timur atau Barat yang berlangsung selama tiga kurun. Zaman ini menyaksikan keadaan bahasa Arab secara umum menjadi lemah, ilmu nahu secara khusus menjadi mundur dan produktiviti ulama semakin berkurangan. Begitu juga dengan masa penjajahan Perancis dan penaklukan oleh orang-orang Inggeris ke atas Mesir.

Antara ulama yang terus menaburkan jasa mereka untuk kelangsungan ilmu tatabahasa ialah:

1. Badr al-Dīn al-'Ainiy<sup>32</sup> (m. 855H).
2. 'Abū al-'Abbās al-Shamuniy<sup>33</sup> (m. 872H).

<sup>32</sup> Beliau ialah Maḥmūd bin 'Aḥmad bin Musā bin 'Aḥmad bin Ḥusain bin Yūsuf. Dilahirkan pada tahun 760H di Antāb dan meninggal dunia pada 855H. Belajar dengan Jibrīl bin Šāleḥ al-Baghdādiy, al-Jamāl Yūsuf al-Malṭiy, al-'Alā' al-Sīrāfiy dan lain-lain. Mempunyai karangan yang pelbagai seperti *Sharḥ al-Bukhāriy*, *Sharḥ al-Shawāhid al-Kabīr wa al-Šaghīr*, *Sharḥ Ma'āniy al-'Āthār*, *Sharḥ al-Kanz*, *Sharḥ al-Majmā'* dan lain-lain. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 704-705.

<sup>33</sup> Beliau ialah 'Aḥmad Taqy al-Dīn bin Muḥammad bin Muḥammad. Al-Shamuniy bermaksud nisbah kepada ladang di negara Maghribi. Dilahirkan di Iskandariyyah dan berhijrah bersama dengan bapanya



3. Al-Kāfiyajiyy<sup>34</sup> (m. 789H).
4. Al-Shaikh Khālid al-'Azharīy<sup>35</sup> (m. 905H).
5. Al-Suyūṭiy<sup>36</sup> (m. 911H).
6. Al-'Ashmūniyy<sup>37</sup> (m. 929H).
7. Al-Shinwāniyy<sup>38</sup> (m. 1019H).
8. Al-Shaikh Yāsīn<sup>39</sup> (m. 1061H).
9. Al-Shaikh 'Abd al-Qādir al-Baghdādiy (m. 1093H).
10. Al-Shaikh al-Ḥifniyy<sup>40</sup> (m. 1178H).

---

ke Kaherah. Belajar ilmu nahu dengan al-Shatnufiy dan ilmu-ilmu lain dengan guru-guru yang muktabar. Akhirnya, beliau menjadi salah seorang yang ternama dan dikerumuni oleh ramai pelajar. Mengarang kitab *Ḥāshiyah 'alā al-Mughniyy* dan *Sharḥ al-Damāmīniyy*. Al-Shaikh Muḥammad al-Ṭanṭāwiy (1997), *op. cit.* h. 169-170.

- <sup>34</sup> Nama penuh ialah Muḥammad bin Sulaimān bin Sa'd bin Mas'ūd. Dilahirkan pada tahun 788H dan meninggal dunia pada 879H. Beliau mempunyai kepakaran dalam pelbagai ilmu seperti usul fiqah, *kalām*, nahu, tasrif, balaghah, logik, falsafah dan lain-lain. Karangan beliau dalam ilmu akal/logik tidak terhingga banyaknya sehingga beliau sendiri lupa akan nama kitab-kitab tersebut. Kitab-kitab lain yang dikarangnya dalam bentuk ringkasan dan yang paling menonjol adalah *Sharḥ Qawā'id al-'I'rāb* dan *Sharḥ Kalimatai al-Shahādah*. Al-Suyūṭiy (2005), *op. cit.* h. 118-119.
- <sup>35</sup> Beliau ialah Khālid Zain al-Dīn bin 'Abd 'Allāh. Dilahirkan di Jurja yang terletak di pedalaman Mesir, kemudian beliau dan bapanya berhijrah ke Kaherah. Menghafal al-Qur'ān, belajar ilmu-ilmu bahasa dan nahu. Belajar dengan Ya'ish al-Maghribiy (m. 900H), al-Sinhūriyy (m. 889H) al-Shamuniyy (m. 827H) dan al-Manāwiy (m. 871H) sehingga memperolehi ilmu yang banyak dan mengajar di al-Azhar. Mengarang kitab *Tamrīn al-Ṭullāb fi Shinā'ah al-'I'rāb*, *Sharḥ al-'Ajrumiyyah*, *Muqaddimah al-'Azharīyyah fi Ilm al-'Arabiyyah*, *Shahr al-'I'rāb 'an Qawā'id al-'I'rāb* dan *Sharḥ al-Taṣriḥ 'alā al-Tauḍīḥ*. Al-Shaikh Muḥammad al-Ṭanṭāwiy (1997), *op. cit.* h. 170.
- <sup>36</sup> Beliau ialah Jalal al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin al-Kamāl 'Abī Bakr bin Muḥammad bin Sābiq al-Dīn. Dilahirkan di Kaherah pada tahun 849H. Hidup sebagai anak yatim, mempunyai kecerdikan dan sudah menghafal al-Qur'ān ketika usia belum mencecah lapan tahun. Belajar dengan guru-guru semasanya dalam pelbagai bidang ilmu. Berhijrah ke Syam, Hijaz, Maghribi, Yaman dan India. Beliau telah mengarang lebih kurang 600 buah manuskrip yang terdiri daripada risalah dan buku samada besar atau kecil dalam pelbagai disiplin seperti fiqah, tafsir, Ḥadīth, sejarah al-Qur'ān, nahu, generasi ulama nahu dan tafsir, bahasa dan balaghah. Antara karangan beliau yang masyhur ialah *al-'Asbāh wa al-Naẓa'ir*, *Jam' al-Jawāmi'*, *Ham' al-Hawāmi'*, *Sharḥ al-Kāfiyyah wa al-Shāfiyyah li Ibn al-Ḥājiḥ*, *al-Iqtirāḥ fi 'Uṣūl al-Naḥw*, *al-Muzhir fi 'Ulūm al-Lughah wa 'Anwā'ihā*, *Ḥusn al-Muḥādarah* dan *Bughyah al-Wu'āt fi Ṭabaqāt al-Lughawīyyīn wa al-Nuḥah*. Muḥammad 'Abd al-Rahīm (2005), *al-Sīrah al-Dhātīyah li Imām al-Suyūṭiy*, c.1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 8-16
- <sup>37</sup> Nama beliau ialah Nūr al-Dīn 'Abū al-Ḥasan 'Aliy bin Muḥammad bin Isā. Dilahirkan di Qanāṭir, Mesir, tinggal di Kaherah dan belajar dengan al-Kāfiyajiyy serta lain-lain daripada ulama nahu semasanya. Beliau mengutamakan kehidupannya kepada ilmu, mengulangkaji, mengajar dan mengarang. Antara karyanya yang paling masyhur ialah *Sharḥ al-'Ashmūniyy 'alā 'Alfiyyah Ibn Mālik* yang diberi nama dengan *Manhaj al-Masālik ilā 'Alfiyyah Ibn Mālik*. Al-Shaikh Muḥammad al-Ṭanṭāwiy (1997), *op. cit.* h. 171.
- <sup>38</sup> Beliau ialah 'Abū Bakr Shihāb al-Dīn. Dilahirkan di Shinwān (terletak di al-Manufiyyah, Mesir). Belajar di al-Azhar dengan Ibn Qāsim al-'Ibādiyy dan lain-lain. Selalu sibuk dengan menelaah kitab, minat menghafal syair dan cenderung mengikuti perjalanan aliran ulama nahu. Antara karangan beliau ialah *Ḥāshiyah Qaṭr al-Nadā wa Ball al-Ṣadā*, *Ḥāshiyah 'alā Sharḥ al-Qaṭr lil-Fākihiyy* dan *Ḥāshiyah 'alā Sharḥ Khālid li-Qawā'id al-'I'rāb li Ibn Hishām*. Al-Shaikh Muḥammad al-Ṭanṭāwiy (1997), *op. cit.* h. 177.
- <sup>39</sup> Beliau ialah Yāsīn bin Zain al-Dīn bin 'Abī Bakr bin Muḥammad bin Muḥammad. Belajar dengan guru-guru yang hidup semasa dengannya dan berkhidmat dalam bidang bahasa di al-Azhar. Sumbangannya kepada ilmu nahu adalah dengan menulis huraian tambahan (*ḥāshiyah*) atau nota kaki kepada karangan-karangan yang masyhur seperti *Ḥāshiyah 'alā al-Taṣriḥ*, *Ḥāshiyah 'alā al-Fākihiyy*, *Ḥāshiyah 'alā Sharḥ al-Mukhtaṣar li al-Sa'd al-Taftāzāniyy* dan *Ḥāshiyah 'alā 'Alfiyyah Ibn Mālik*. Al-Shaikh Muḥammad al-Ṭanṭāwiy (1997), *op. cit.* h. 178.
- <sup>40</sup> Beliau ialah Yūsuf bin Sālim. Dilahirkan di Ḥafanā. Belajar di al-Azhar dengan ulama terkemuka dan abangnya yang bernama Muḥammad. Akhirnya, beliau menguasai ilmu dan begitu masyhur dengan

11. Al-Shaikh Hus̄in al-Kafr̄awiy (m. 1202H).
12. Al-Shaikh al-Ṣabbān<sup>41</sup> (m. 1206H).
13. Al-Shaikh Muḥammad al-Dasūqiy (m. 1230H).
14. Al-Shaikh Ḥasan al-‘Attār (m. 1250H).
15. Al-Shaikh al-Khuḍariy<sup>42</sup> (m. 1287H).

Ketika penguasaan Kerajaan Uthmāniyyah ke atas Mesir, Syam dan negara-negara-lain, mereka telah mewajibkan penggunaan bahasa Turki ke atas semua penduduk dan menjadikannya sebagai bahasa rasmi dalam urusan surat menyurat dan pejabat. Oleh itu, situasi bahasa Arab secara umum menjadi lemah dan menyebabkan ilmu nahu secara khusus kurang diberi perhatian oleh ulama. Cendekiawan pada zaman ini hanya berpada dengan apa yang telah dihasilkan oleh ulama sebelumnya sahaja. Mereka berasa sudah mencukupi dan memadai dengan kerja-kerja seperti kritikan, huraian ringkas (*Hāshiyah*) dan syarahan (*Sharḥ*) ke atas manuskrip terdahulu yang ditinggalkan oleh sarjana-sarjana sebelum mereka seperti Ibn al-Ḥājib, Ibn Mālik dan Ibn Hishām. Tidak keterlaluan jika dikatakan dalam satu muka surat kitab yang ditulis pada masa tersebut mengandungi *matan*, syarahan, nota tambahan dan keterangan.

Antara tanda kelemahan yang berlaku pada zaman ini ialah kemerosotan aktiviti ulama untuk menghasilkan manuskrip yang bebas dan tidak terikat dengan pendapat sebelumnya. Kitab yang ditulis pada zaman ini boleh dikatakan tidak sesuai dengan pencapaian serta kedudukan ilmiah mereka. Tambahan pula, masa yang didiami oleh ulama berkenaan sangat hampir dengan zaman keemasan serta para pelajarnya pula mempunyai keupayaan yang tinggi untuk belajar. Sebagai contoh, sebahagian kitab yang ditulis oleh al-Shaikh Khālīd adalah dalam metode huraian seperti *Sharḥ al-‘Ajrumiyyah*, *Sharḥ al-‘Iṣṣāb ‘an Qawā‘id al-‘Iṣṣāb* dan *Sharḥ al-Taṣrīḥ ‘alā al-Tawḍīḥ*. Begitu juga kitab-kitab yang dihasilkan oleh al-Shinwāniy berdasarkan kaedah huraian ringkas atau sekadar menulis nota tambahan seperti *Hāshiyah Qaṭr al-Nadā wa Ball al-Ṣadā*, *Hāshiyah ‘alā Sharḥ al-Qaṭr lil-Fākihiy* dan *Hāshiyah ‘alā Sharḥ Khālīd li-Qawā‘id al-‘Iṣṣāb li Ibn Hishām*. Seterusnya, al-Shaikh Yāsīn mengarang kitab mengikut kaedah yang sama iaitu huraian ringkas seperti *Hāshiyah ‘alā al-Taṣrīḥ*, *Hāshiyah ‘alā al-Fākihiy*, *Hāshiyah ‘alā Sharḥ al-Mukhtaṣar li al-Sa‘d al-Taftāzāniy* dan *Hāshiyah ‘alā ‘Alfiyyah Ibn Mālik*.

Kelemahan lain yang berlaku ialah penggunaan bahasa dan istilah yang sukar difahami dalam konteks ilmu tatabahasa Arab. Manuskrip yang disusun oleh ilmuwan zaman ini dipenuhi dengan gaya bahasa falsafah, mirip kepada perbincangan ilmu al-Kalām, dilimpahi dengan istilah mantiq dan pengertian logikal yang begitu jauh dari roh bahasa Arab. Sedangkan dalam bahasa Arab telah tersedia dengan segala kefasihan, balaghah dan

---

sastera dan syair. Antara karangan beliau yang masyhur ialah *Hāshiyah ‘alā Sharḥ al-‘Ashmūniy*. Al-Shaikh Muḥammad al-Ṭanṭāwiy (1997), *op. cit.* h. 178.

<sup>41</sup> Nama beliau ialah ‘Abū al-‘Urfān Muḥammad bin ‘Aliy. Dilahirkan di Kaherah dan menghafal al-Qur’ān sejak kecil. Belajar dengan guru-guru semasanya. Ulama pada zamannya mengiktiraf beliau sebagai salah seorang yang alim di Mesir dan Syam dan dikelilingi oleh ramai pelajar. Mengarang dalam pelbagai bidang ilmu seperti logik, ‘*arūd*, balaghah dan nahu. Antara karangannya yang paling masyhur ialah *Hāshiyah al-Ṣabbān ‘alā Sharḥ al-‘Ashmūniy ‘alā ‘Alfiyyah Ibn Mālik*. Al-Shaikh Muḥammad al-Ṭanṭāwiy (1997), *op. cit.* h. 178.

<sup>42</sup> Beliau ialah Muḥammad bin Muṣṭafa bin Ḥasan. Dilahirkan di Dimyāt, Mesir. Belajar di al-Azhar, namun tidak sempat tamat kerana diserang penyakit hingga mengakibatkan telinganya hilang deria pendengaran. Selepas itu beliau berkomunikasi dengan sahabatnya menggunakan bahasa isyarat sahaja. Mengarang banyak kitab, antaranya ialah *Mabādi’ fi Ilm al-Tafsīr*, *Hāshiyah ‘alā Sharḥ al-Malawiy*, *Hāshiyah fi al-Balāghah ‘alā al-Samarqandiy* dan *Hāshiyah al-Khuḍariy ‘alā Ibn Aqīl*. Muḥammad al-Shātīr ‘Aḥmad Muḥammad, Dr (1978), *op. cit.* h. 110-111.

kosa kata yang melimpah ruah di dalam al-Qur'ān, Ḥadīth Nabi, syair klasik dan karangan sasterawan besar sejak zaman berzaman.

### Zaman Kebangkitan Semula

Zaman ini bermula pada akhir kurun ke-14 Hijriah atau permulaan kurun ke-15 Hijriah yang bersamaan dengan abad ke-20 Masihi. Tokoh-tokoh yang bergemerlapan pada zaman ini begitu banyak dan bertaburan di serata pelosok negara Mesir. Hal ini kerana, tertubuhnya pelbagai intitusi pengajian di negara berkenaan dan begitu ramai daripada kalangan ulama yang bermastautin di bumi Mesir untuk mengembangkan ilmu dan menulis manuskrip. Seseengah daripada mereka terpaksa berhijrah ke negara Arab lain disebabkan keperluan pusat pengajian kepada kepakaran yang dimilikinya. Di sini akan dikemukakan hanya nama-nama cendekiawan yang masyhur sahaja berdasarkan kepada kerja-kerja ilmiah dalam ilmu nahu yang dilakukan oleh mereka.

1. 'Abd al-Salām Hārūn.
2. 'Abbās Ḥasan.
3. 'Aliy al-Najdiy Nāṣif.
4. Ibrāhīm Muṣṭafā.
5. Al-Shaikh Muḥammad 'Abd al-Khāliq 'Aḍīmah.
6. Al-Shaikh Muḥammad Muhyī al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd.
7. Dr. Ibrāhīm al-Basyūniy.
8. Dr. Shawqiy Ḍif.
9. Dr. 'Abd al-Fatāh Shalabiy.
10. Dr. 'Abd al-Rahmān al-Sayyid.
11. Dr. Muḥammad Ibrāhīm al-Bannā.
12. Dr. Muḥammad al-Shāṭir.
13. Dr. Muḥammad Yusrā Za'īr.
14. Dr. 'Abd Rahmān Sulaimān.
15. Dr. 'Abd al-'Azīz Muḥammad Fākhir.

Kerajaan Uthmāniyyah keluar dari bumi Mesir dan negara Arab lain selepas menaklukinya selama lebih kurang tiga kurun. Di bawah kekuasaannya, bahasa Arab, sastera, ilmu nahu dan saraf menjadi lemah. Begitu juga penjajahan Barat yang terdiri dari Perancis dan Inggeris walaupun telah keluar dari bumi Mesir, namun tetap meninggalkan kesan yang mendalam ke atas jiwa penduduk selepas mendudukinya lebih kurang seratus tahun. Selepas semua itu, penduduk Mesir telah bangkit mengadakan revolusi dalam keseluruhan aspek kehidupan mereka yang merangkumi pendidikan, politik, sosial dan ekonomi. Maka kembalilah bahasa Arab kepada kedudukannya yang asal sebagaimana juga ilmu nahu.

Sejak 50 tahun selepas berlakunya revolusi Mesir iaitu pada 23 Julai 1952M, Kerajaan Mesir telah mengambil tanggungjawab dengan menyediakan pendidikan kepada anak bangsanya serta merangsang perkembangan ilmu pengetahuan secara umum dan bahasa Arab secara khusus. Usaha yang dilakukan adalah dengan cara mendirikan sekolah-sekolah yang dapat membantu generasi untuk membasmi buta huruf dan kejahilan serta mengajar mereka bertutur bahasa Arab secara betul dan fasih.

Oleh itu, institusi al-Azhar bangkit semula dan kembali kepada kedudukannya yang asal dengan menggerakkan maahad-maahad agama yang berada di bawah naungannya supaya berfungsi menjaga agama Islam, al-Qur'ān dan bahasa Arab. Maahad-maahad tersebut tersebar di setiap pelosok negara Mesir hingga sampai ke kawasan-kawasan

kampung yang jauh di pedalaman, yang mana bilangannya sebelum revolusi hanya beberapa buah sahaja. Al-Azhar juga telah melebarkan sayapnya dengan menerima pelajar-pelajar dari negara-negara Arab lain, Afrika dan Asia untuk belajar agama Islam serta bahasa Arab. Kesan daripada revolusi itu juga, tertubuhnya Fakulti Bahasa Arab (*Kuliyah al-Lughah al-'Arabiyyah*) yang bernaung di bawah Universiti al-Azhar. Fakulti tersebut memainkan peranan yang besar kerana berjaya mengeluarkan ramai graduan setiap tahun. Mereka telah belajar bahasa Arab standard samada klasik atau moden hingga memperolehi ijazah dan berkebolehan untuk mengajarkannya semula kepada masyarakat awam. Selain al-Azhar, terdapat fakulti-fakulti lain yang berperanan mengajar bahasa Arab standard dan cara pertuturan Arab jati, sebagaimana yang berlaku di Fakulti Pendidikan (*Kuliyah al-Tarbiyyah*), Fakulti Sastera (*Kuliyah al-'Adab*) dan Fakulti *Dār al-Ulūm* di Universiti Kaaherah.

Kerajaan juga telah memainkan peranan yang besar dengan menggalakkan pelajar-pelajar supaya mengikuti pengajian bahasa Arab di fakulti-fakulti. Antara galakan yang dilakukan oleh kerajaan adalah dengan memberi bantuan biasiswa, asrama, makanan percuma dan lain-lain bantuan supaya pelajar menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran dan ilmu pengetahuan. Bukan setakat peringkat ijazah pertama sahaja yang dianjurkan oleh fakulti, bahkan melebarkannya hingga ke peringkat pengajian ijazah tinggi dalam bidang bahasa Arab dengan pengkhususan tertentu seperti nahu, saraf, linguistik, balaghah dan sastera. Pelajar yang berjaya membuat kajian atau membawa penemuan baru dalam bidang masing-masing akan dianugerahkan dengan pelbagai gelaran serta pangkat ilmiah. Maka bergegaslah pelajar-pelajar ke fakulti berkenaan dan berlumba-lumba untuk mendapat pangkat ilmiah. Mereka belajar dengan tekun dan berusaha bersungguh-sungguh melakukan penyelidikan. Natijahnya, begitu banyak risalah ilmiah peringkat sarjana atau doktor falsafah dihasilkan dalam bidang linguistik Arab di pelbagai universiti. Di samping itu, penyelidik juga menumpukan kajian mereka kepada kerja memudahkan dan menyesuaikan ilmu nahu untuk para pelajar di sekolah rendah dan menengah. Mereka berpendapat bahawa pelajar pada zaman ini tidak sesuai untuk menanggung perbezaan pendapat dan perbincangan teliti dalam ilmu nahu dan tidak seperti zaman sebelumnya.

Jika diteliti kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik dalam disiplin nahu, sebenarnya, mereka telah melakukan kajian melalui risalah ilmiah atau tesis dalam salah satu dari empat haluan berikut:

Haluan pertama: Kajian terhadap aliran nahu yang pelbagai serta tokoh-tokoh masyhur dari Basrah, Kufah, Baghdad, Andalus, Mesir dan Syam.

Haluan kedua: Kajian *taḥqīq* (edit) manuskrip-manuskrip ilmu nahu bagi tokoh tertentu di pelbagai *madrasah* dan mengolahkannya dalam bentuk baru bagi membuktikan keupayaan pengkaji memahami teks tersebut.

Haluan ketiga: Penyelidikan atau kajian terhadap tajuk-tajuk umum ilmu nahu yang memerlukan pengkajinya menyelongkar segala aspek berkenaan dengan tajuk dan memetik serta merujuk pelbagai sumber penghujahan bahasa Arab.

Haluan keempat: Penyelidikan yang dilakukan kerana menyahut aduan, cadangan dan komen daripada pelajar-pelajar mengenai kesusahan ilmu nahu, berbagai-bagai mazhab, bermacam-macam pendapat dan khilaf. Mereka menulis buku-buku kecil dan nota-nota tertentu dengan memilih tajuk-tajuk penting dan kaedah-kaedah yang diperlukan sahaja dengan niat memudahkan pengajian ilmu nahu. Oleh itu, tajuk yang diberi kepada hasil

penyelidikan mereka seperti ringkasan ilmu nahu, keterangan ilmu nahu, pilihan ilmu nahu dan sebagainya.

## PENUTUP

Ilmu nahu akhirnya kembali semula ke Timur iaitu berpusat di Mesir (kaherah) dan Syam (Damsyik). Sejarah perkembangan ilmu nahu berjalan dengan begitu panjang di kedua tempat tersebut hingga ulama membahagikannya kepada empat zaman iaitu zaman kelahiran, keemasan, kelemahan dan kebangkitan semula. Zaman yang selalu disebut-sebut dalam perkembangan ilmu nahu di Mesir ialah zaman keemasan kerana bukan setakat pengajian ilmu nahu berjalan dengan aktif, bahkan begitu ramai ulama yang berkecimpung dalam pelbagai bidang disiplin bahasa. Tambahan pula, begitu banyak karya telah dihasilkan dengan pelbagai teknik penulisan. Antara ulama yang paling menonjol pada zaman keemasan ialah Ibn Mālik yang mampu berijtihad dan mengarang kitab-kitab yang menjadi rujukan hingga ke hari ini seperti *Kāfiyah al-Shāfiyah*, *al-'Alfiyyah*, *al-Fawā'id* dan *Tashīl al-Fawā'id wa Takmil al-Maqāsid*. Kehebatan yang ditonjolkan oleh Ibn Mālik menyebabkan beliau ditabalkan sebagai pengasas kepada mazhab atau *Madrasah Miṣriyyah* dan *Syāmiyyah*. Selepas zaman ini, ilmu nahu bertukar menjadi lemah dan sekarang ini ia berada pada zaman kebangkitan semula yang menyaksikan para sarjana mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mengembalikan kegemilangannya.

## RUJUKAN

- 'Abd al-Raḥīm, Muḥammad. *Al-Sīrah al-Dhātīyah li Imām al-Sayūṭiy*. c 1, Beirut: Dar al-Fikr, 2005.
- Faḍaliy, 'Abd al-Hādiy al-, *Marākiz al-Dirāsāt al-Naḥwiyyah*, c. 1, Amman: Maktabah al-Manār, 1986.
- Fākhir, 'Aliy Muḥammad, *Tārīkh al-Naḥw al-'Arabiy mundh Nash'atih hatta al-'Āna*, c. 2, T.T.P. T.P, 2003.
- Ibn Khallikān, 'Abū al-'Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin 'Abi Bakr , *Wafayyāt al-'A'yān wa 'Anbā' Abnā' al-Zamān*, Yūsuf 'Aliy Ṭawīl, *et. al*, (ed) c.1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 1998.
- Muḥammad, Muḥammad al-Shātir Aḥmad, *al-Mūjaz fī Nash'ah al-Naḥw*, T.T.P. Dār al-Zīniy liṭṭibā'ah, 1978.
- Qiftiy, Jamāl al-Dīn 'Abū al-Hasan 'Alī bin Yūsuf al-, *'Inbāh al-Ruwāh 'ala 'Anbāh al-Nuḥāh*, Muḥammad 'Abū al-Fadl Ibrāhīm (ed), Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2004.
- Sāmīrā'iy, Ibrāhīm 'Abūd al-, *al-Mufīd fī al-Madāris al-Naḥwiyyah*, Amman: Dār al-Masīrah, 2007.
- Simsā'ah, Aḥmad al-Hasan, *Tarikh al-Naḥw al-'Arabiy: Nash'atuhu wa Taṭawaruh*, Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1993.
- Sinjarjī, Muṣṭafa 'Abd al-'Aziz al-, *al-Mazāhib al-Naḥwiyyah fī Ḍaw' al-Dirāsah al-Lughawīyyah al-Ḥadīthah*, c. 1, Jeddah: Maktabah al-Faiṣaliyyah, 1986.

- Suyūṭiy, al-Ḥafīz Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-, *Bughyah al-Wu‘āh fī Ṭabaqāt al-Lughawīyyīn wa al-Nuhāh*, Muḥammad ‘Abd al-Raḥīm, (ed) c.1, Beirut: Dār al-Fikr, 2005.
- Ṭanṭāwiy, al-Shaikh Muḥammad al-, *Nash’ah al-Naḥw wa Tārīkh ‘Ashar al-Nuḥāt*, Sa`id Muḥammad al-Laḥām (ed) c. 1, Beirut: `Ālim al-Kutub, 1997.
- Walad ‘Abbāh, Muḥammad al-Mukhtār, *Tārīkh al-Naḥw al-`Arabiy fī al-Mashriq wa al-Maghrib*, T.T.P. T.P, 1996.
- Zubaydiy , ‘Abū Bakr Muḥammad bin al-Ḥasan al-, *Ṭabaqāt al-Naḥwiyyīn wa al-Lughawīyyīn*, Muḥammad ‘Abū al-Faḍl Ibrāhīm (ed), Kaḥerah: Dār al-Ma‘ārif. 1973.